



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld. XIV (5)
25 Mac 1998

Semua Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 5/1998:
**Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan
Di Bawah Akta Pendidikan 1996**

Adalah dimaklumkan bahawa Akta Pendidikan 1996 telah berkuatkuasa mulai daripada 31 Disember 1997. Dengan berkuatkuasanya Akta ini, maka Akta Pelajaran 1961 telah dimansuhkan pada tarikh yang sama.

2. Sehubungan dengan penguatkuasaan Akta Pendidikan 1996, maka beberapa Peraturan-peraturan baru telah digubal dan dikuatkuasakan mulai daripada 1 Januari 1998. Peraturan-peraturan tersebut adalah seperti berikut:

- 2.1 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Prasekolah) 1997;
- 2.2 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik) 1997;
- 2.3 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Peperiksaan, Penilaian dan Pensijilan) (Maktab Pendidikan Guru) 1997;
- 2.4 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kursus Pengajian dan Program Latihan) (Maktab Pendidikan Guru) 1997;
- 2.5 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kursus Pengajian dan Program Latihan Di Politeknik) 1997;
- 2.6 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997;
- 2.7 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997;
- 2.8 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997;
- 2.9 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) (Pindaan) 1998; dan
- 2.10 Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997.

3. Peraturan-Peraturan di bawah Akta Pelajaran 1961 dan ordinan-ordinan sebelumnya yang tidak diliputi oleh peraturan-peraturan baru di bawah Akta Pendidikan 1996 adalah masih terpakai sehingga selesai disemak dan dimansuhkan. Pemansuhan peraturan-peraturan yang lama ini dan penguatkuasaan peraturan-peraturan yang menggantikannya akan dimaklumkan kelak.


4. Semua Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian, Pejabat Pendidikan Daerah, institusi pendidikan dan sekolah adalah dinasihatkan untuk memperolehi Akta dan Peraturan-peraturan ini.

5. Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-peraturan di bawah Akta Pendidikan 1996 seperti yang dinyatakan di atas boleh dipesan atau dibeli daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB). Alamat syarikat tersebut dan cawangan-cawangannya adalah seperti di lampirkan.

6. Kandungan Pekeliling ini hendaklah dimaklumkan oleh Bahagian/Jabatan Pendidikan Negeri kepada semua Pejabat Pendidikan Bahagian, Pejabat Pendidikan Daerah, institusi pendidikan dan sekolah.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATUK MATNOR DAIM

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dato' Haji Mohd. Khalid Yunus
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
 7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
 8. Setiausaha Agung Majlis Peperiksaan Malaysia
 9. Ketua Nazir Sekolah
 10. Penasihat Undang-Undang
 11. Pegawai Perhubungan Awam

Lampiran

1. Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-Peraturan di bawah Akta Pendidikan 1996 boleh dipesan dari Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) sebagai:
 - i. Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), RM 10.50 senaskah; dan
 - ii. Warta Kerajaan Seri Paduka Baginda Jilid 41, No. 26, Tambahan No. 94, Perundangan (A), P.U. (A) 526, RM9.60 senaskah.
2. Senarai alamat Kedai Percetakan Nasional Malaysia Berhad di mana pertanyaan dan pesanan boleh dilihat adalah seperti berikut:
 - i. Kedai PNMB
Jalan Satu
Off Jalan Chan Sow Lin
50554 Kuala Lumpur
Tel: 2252858,2252886,2212022
Fax: 2220690
 - ii. Kedai PNMB
Cawangan Alor Setar
Jalan Stesyen, Alor Setar
Kedah Darul Aman
Tel: 04-7332066
Fax: 04-7332797
 - iii. Kedai PNMB
Cawangan Kuala Terengganu
Padang Hiliran,
Jalan Sultan Mohamad
21100 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
Tel: 09-6221154
Fax: 09-6223278
 - iv. Kedai PNMB
Cawangan Sarawak,
Jalan Abang Haji Openg
93554 Kuching Sarawak
Tel: 082-241131
Fax: 082-412005
 - v. Kedai PNMB
Cawangan Kota Bharu
Kelantan Darul Naim
Tel: 09-7485667
Fax: 09-7485687
 - vi. Kedai PNMB
Cawangan Melaka
622,622A Taman Melaka Raya
75000 Melaka
Tel: 06-2815512
Fax: 06-2815412
 - vii. Kedai PNMB
Cawangan Ipoh,
Jalan Kuala Kangsar,
30010 Ipoh Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-5486835
Fax- 05-5486834
 - viii. Kedai PNMB
Cawangan Johor Bahru
Jalan Datin Halimah
80350 Johor Bahru
Johor Darul Takzim
Tel: 07-2369244
Fax: 07-2370142
 - ix. Kedai PNMB
Cawangan Miri,
Jalan Piasau 98000 Miri Sarawak
Tel: 085-651006
Fax: 085-652453
 - x. Kedai PNMB
Cawangan Pulau Pinang
Tel: 04-3974007
Fax: 04-3974006